

## BAB 5

### NOSTALGIA TERHADAP ALAM SEMULA JADI DAN KAMPUNG HALAMAN

Sememangnya manusia tidak dapat berpisah dengan tanah tumpah darah mereka. Kedua-duanya bagaikan aur dengan tebing, begitu intim dan mesra. Tempat kelahiran yang telah mendewasakan kita, terutamanya sebatian dengan jiwa seseorang bak kata pepatah “tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan”.

Nostalgia terhadap kampung halaman asal seseorang akan tetap berkekalan. Sesetengah karya sastera bercorak gambaran tentang kampung halaman akan mencerminkan nilai-nilai murni dan keunikan etika di kalangan masyarakat mereka. Tidak kurang juga pengarang yang memuja kepada keindahan alam semula jadi dan menegaskan agar ia dipelihara secara berkekalan.

Seseorang yang mencintai kampung halaman sering diresapi rasa rindu atau nostalgia terhadap suasana alam yang indah. Jiwa mereka selalu terhibur dengan siulan unggas yang merdu dan bersahut-sahutan bagi orkestra semula jadi yang harmoni. Pepohon menghijau yang kadang-kadang tidak diketahui jenisnya, menjadi halwa mata yang indah memukau. Panorama yang indah ini sering menjelmakan ilham lalu diterapkan menjadi bahan penulisan prosa untuk memikat hati para pembaca yang turut tertarik untuk menikmati keindahan alam tanah air. Di samping itu, memori kehidupan di bendang, senario pemandangan yang sungguh mempesonakan di kawasan terpencil penuh dengan pelbagai tumbuhan yang menghijau, serta semangat bergotong royong dan bermuafakat yang wujud di kalangan penghuni sekampung telah menyumbang terhadap kehidupan kampung yang berwarna-warni. Semangat para petani yang kental dan gigih telah menghasilkan pelbagai hasil mahsul. Kehidupan di kampung halaman yang penuh keharmonian dan kesejahteraan juga dijelmakan sebagai bahan penulisan prosa. Seterusnya terdapat beberapa contoh daripada karya-karya prosa yang

menggambarkan perasaan nostalgia pengarangnya terhadap keindahan alam sekitar kampung halaman asal mereka :-

### 5.1 Prosa Liu Huihua Berjudul “Kejernihan Anak Kali-Kali Di Pinggiran”<sup>74</sup>

刘慧华之<两岸山水> (Liang An Shan Shui)

Apabila mengharungi padang rerumput yang terhampar meluas tanpa sempadan pemikiranku tergendala lalu hinggap di sebuah gubuk usang yang sering kekosongan, longgokan tin berkarat telah menarik lalat berkunjung. Di keliling teratak telah ditumbuhinya semak-samun yang beria-ria dengan gaya yang lemah-lembut pabila ditiup bayu perlahan-lahan. Famili ayam sedang sibuk mengais untuk mengisi perut, manakala itik sedang menyudu untuk mencari makanan. Di luar gubuk tersandar seekor anjing uzur yang tidak bermaya untuk bertegur sapa dengan sesiapa pun yang mengunjunginya. Selain itu seekor angsa ghairah dan leka mengejar si anu yang berlalu. Aku terjengkeng-jengkeng dengan langkah yang pantas untuk melintas sebidang kebun sayur-sayuran yang dikepungi beberapa pokok jambu batu.

Ketika itu, aku terdengar gerenekan air menyusuri anak tangga di kiri kanan denai dengan perlahan-lahan lalu mendendang irama yang lemah lembut. Aku menyusuri lereng anak bukit yang bertanah merah mencari punca sumber air. Apabila aku mendongak, tatapan aku tertancap pada dinding batu yang menyekat pemandangan. Pancaran sang suria menembusi celah-celah dedaun, tumbuh-tumbuhan menghijau yang menjalar bebunga liar sehingga tersesak pernafasannya. Lilitan rotan menjelirkkan lidah merayap di dinding bukit yang tegap sasa.

Petikan prosa di atas jelas menggambarkan perasaan nostalgia Liu Huihua yang asyik mengenang zaman kanak-kanak dan kehidupan di kampung halamannya pada masa silam. Cinta beliau terhadap alam semula jadi ternyata sebatian dengan jiwanya.

### 5.2 Prosa Yin Xin Yang Berjudul “Panorama Bendang Menghijau”<sup>75</sup>

因心之<绿禾以外> (Lv He Yi Wai)

Yin Xin telah didewasakan di Jelapang Padi – Negeri Kedah yang dikepungi

74. *Koleksi Karya-Karya Pemenang Dalam Pertandingan Karya Sastera Kreatif II, Sin Chew Jit Poh*, 1995, ms 113-118.

75. Ibid, ms 119-122.

pemandangan bendang menghijau sejak kecil lagi. Keadaan di situ telah meluahkan kenangan manis alam zaman kanak-kanak yang penuh keriangan dan kemesraan, walaupun Yin Xin tidak pernah menikmati kehidupan yang bercorak kebendaan. Beliau melalui prosa yang berjudul "Panorama Bendang Menghijau", menggambarkan bagaimana alam semula jadi ini telah menemani zaman kanak-kanaknya. Beliau menulis:-

Aku merangkul di dada kampung halaman yang kaya dengan pelbagai mergastua dan flora, acapkali aku menikmati masakan daging binatang buas yang penuh kelazatan. Pada waktu lapang, budak-budak berkejar-kejaran di kawasan meluas dengan penuh suara keriangan, sesekali terpelanting dengan kaki atau lutut cedera luka dengan raungan mengerang kesakitan. Apabila bersua rakan sebaya, dikesat titisan air mata lalu yang riang gembira. Wah! zaman kanak-kanak yang sungguh bervariasi dan berwarna-warni. Apabila musim buah-buahan menjelang, pohon demi pohon yang sarat dengan buah tropika yang penuh keenakan itu telah memikat hati kami untuk menikmatinya. Acapkali di padang meluas sarat dengan suara budak-budak mengejar lelayang yang putus benang. Ketam dan ikan di lubuk sering kamijadikan sasaran, alangkah lega rasa kami yang menghayati keindahan alam.

Walaupun perjalanan hidup Yin Xin yang berliku-liku itu penuh dengan duri onak, seperti landaan bencana alam yang mendadak menyerbu kehidupannya, beliau turut membayangkan nostalgia kampung halamannya dalam petikan penulisan beliau seperti berikut :-

Hatiku tersentak dalam perjalanan pulang, aku dililiti tiupan angin yang kencang, awan-gemawan kelabu menyelubungi ruangan alam, kilat sabung menyabung yang diiringi badai taufan telah melanda pinggiran sungai tanpa belas kasihan. Bapa saudara menemani kepulanganku dengan sampan gegas merapatkannya ke pinggir sungai, aku digesa menutupkan karung padi dengan tikar mengkuang yang usang dan lusuh. Dentuman petir sungguh membingitkan telinga telah mendesakkan denyutan jantung. Aku selaku bahtera yang tumbang-ambing dan berolang-aling di lambung gelombang yang dinamis tanpa haluan. Aku berdoa agar bersua suatu tempat teduhan yang selamat. Julung-julung kali aku menyerah diri pada alam yang menghijau ini tanpa bantahan, benak hatiku berbisik pada diri, harus gigih dan berani menempuh segala cabaran.

### 5.3 Prosa Yang Guilian Yang Berjudul "Aku Beradu Di Pangkuan Alam"

与自然之我自在 (Wo Zai Da Ziran Zhen Mian)

"Kemuliaan atau keagungan seseorang bukan dinilai dari segi kekayaan atau darat kedudukannya, tetapi dinilai dari segi kesanggupannya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan semula jadi dalam kehidupan rutin secara brasa". Kalimat ini bukan sahaja menggambarkan kehidupan golongan petani yang penuh kedamaian, malah menonjolkan peninggalan alam semula jadi yang indah dan mempesonakan. Bagaimanapun, Yang Guilian juga menyatakan keindahan alam semula jadi yang menawarkan rangsangan ilham di samping mewujudkan suasana yang sungguh menyeronokkan perasaan seseorang seniman demi membina sebuah masyarakat yang selesa. Menerusi prosa beliau yang dipetik di bawah ini, gambaran tersebut dapat dikesan .

Pancaran sang suria menembusi celah-celah dedaun, helaian-helaian daun nipis melambai-lambai berliuk lentuk pabila ditiup oleh bayu. Butiran embun hinggap pada daun berkilau-kilauan. Gerbil besar sibuk menggemburkan tanah, dijadikan terowong bawah tanah. Senja kian menjelang, sang suria akan beradu di ufuk barat melantunkan cahaya yang kemas-emasan. Hamparan rerumput terbentang luas, aku dibelai tiupan bayu sepoi-sepoi bahasa lega menghiburkan hatiku. Acapkali aku menatap lelabah menganyam sarang dengan kegigihan yang kental, walaupun berkali-kali terputus bebenang sarangnya yang diserbu tiupan angin yang kencang. Dengan sekelip mata, sebuah corak gambaran terpapar di celah pepohon dengan penuh kemisterian. Aku leka menatap bayangan dedaun dipancari sang suria lalu meletus riak di kalbu yang bergelora di sebalik kesunyian. Aku bersyukur dengan memiliki sebuah alam yang indah.

Penghayatan keindahan dan keselesaan semasa beradu di pangkuan alam seperti mana yang dialami pengarang dalam penulisan di atas, turut dikongsi oleh para pembacanya.

76 Kicauan Beburung Yang Terakhir Di Taman Yun Nan 南園的最後鳥鳴 (Yun Nan Yan De Zui Hou Niao Ti ), Prosai Pilihan Tahunan "Kuangan Saetera Nanyang", 1994, Nanyang Siang Pau, rm 13-16

#### 5.4 Prosa Chen Die Yang Berjudul “Catatan Rutin Kehijauan”<sup>77</sup>

陈蝶之 <绿色日志> ( Lvse Ri Zhi )

Warga kota menghuni di metropolitan yang penuh ketegangan, sering dipayungi kelompok awan-gemawan yang tercemar. Ini tidak bererti mereka akan menjauhi alam semula jadi yang indah, sebenarnya hati mereka “dijernihkan” melalui kegiatan penanaman yang melegakan kehidupan seseorang seperti keadaan di desa.

“Catatan Rutin Kehijauan” yang dikaryakan Chen Die menggambarkan kehidupan peribadi beliau semasa menetap di sebuah kota. Walaupun bermastautin di kota, beliau turut menghayati keriangan hidup di desa menerusi aktiviti penanaman di atas setiap inci ruangan bumi di belakang tempat kediamannya yang dihiasi beliau dengan penanaman pelbagai tanaman sayuran organik. Beliau menulis :-

Batang tumbuhan telah mengaut hasil mabsul kacang bendi yang telah aku usahakan selama ini. Tidak rasa jemu aku membajai, menyirami, membatasi tanah-tanah yang gembur sejak dua bulan lalu sesudah aku semaikan biji benihnya. Di sisinya didampingi sawi, kailan dan kekacang yang berkhasiat, sungguh lega apabila lepas dari kerja pejabat aku menikmati hasil titik peluh ini.

Sayuran yang berlebihan sering dikongsikan kelazatannya dengan rakan sejawatan yang menggelar aku sebagai puteri murah hati. Aku termakbul impian yang dipercayai tidak akan tercapai oleh warga kota.

Selangkah dari ruang bumi di halaman belakang tempat kediamanku telah menjelaskan aku sebagai Henry David Thoreau. Saban hari tercatat perkara rutin dari segi proses penanaman dan barang keperluan yang tidak harus dilupakan. Sedikit demi sedikit, lama-lama jadi bukit dengan pengalaman yang bertimbun-timbun dari pengalaman kehidupan kita.

77. Majalah Sastera Mahua 马华文学 (Mahua Wenxue) Siri Ke-2, Persatuan Penulis Aliran Tionghua Sarawak 砂拉越华文作家协会 (Sha La Yue Hua Wen Zuojia Xiehui), 1995, ms 31-33.

## 5.5 Prosa Jiang Zhenxian Yang Berjudul "Panorama Dusun"

江振轩之<心系田园>( Xin Xi Tian Yuan )

Jiang Zhenxian menggambarkan kehidupan seorang kawannya selaku pemilik kedai peralatan elektrik yang selalu sibuk dalam kerja rutinnya. Dia begitu mengidam-idamkan kehidupan di pangkuan alam yang berada di desa, menghirup udara yang segar, diiringi siulan beburung yang merdu untuk melegakan perasaan tegang di kota. Dia merupakan rakan akrab penulis yang sering meluahkan perasaan nostalgia terhadap kehidupan dalam dakapan alam semula jadi. Jiang Zhenxian telah menggambarkan perasaan kawannya semasa menikmati kehidupan di dusun :-

Tanah pemilik peralatan elektrik berpuluhan-puluhan hektar telah disarati pokok buah-buahan yang enak dan berkhasiat, sebidang daripada dada tanah yang luas itu telah ditumbuhki lalang dan pokok-pokok getah yang terbiar

Memang satu alternatif yang jitu telah dihitung. Sesekali pulang ke pangkuan alam untuk menghirup udara yang segar, terasa kehidupan di dusun penuh pengertian. Saat-saat yang ditunggu-tunggukan pada penghujung minggu, keluarga kami akan membawa perasaan yang senang dan lega pulang ke desa untuk menikmati senario pemandangan yang indah. Kami terasa seolah-olah terlepas dari kamar penjara yang berudara hanyir jiwa terdesak di Kuala Lumpur yang dipayungi kelompok awan-gemawan tercemar, daerah yang dihambat deras arus kecanggihan dan modenisme serta dibelenggu rantai-rantai materialisme.

Setiba musim buah-buahan, muncullah wajah raja dan permaisuri buah-buahan yang sering dialu-alukan oleh peminatnya. Walaupun hasil mahsul yang diperoleh tidak setimpal dengan titik peluh yang dicurahkan, tapi tuan tanah tidak mengendahkan hal ini

Hasil pengeluarannya sering dinikmati bersama-sama rakan, jiran dan saudara-maranya. Alangkah riang kehidupan kita. Berapakah kelabuan diperoleh langsung tidak dipersoalkan. Tuan tanah yang memuja keindahan alam asyik melemparkan pandangannya ke dusun yang luas untuk melepaskan pernafasan yang terdesak di kota. Tuan tanah yang dianggap kekasih alam sering bertandang ke desa untuk mengisi kehidupan dengan hembusan dan bisikan kedamaian, menikmati kemanisan bersama desiran bau yang membela wajahnya. Alangkah bebas dan permai di pangkuan alam ini.

## 5.6 Prosa Wen Zheng Yang Berjudul "Anak Bukit Terpacak Tegap" <sup>79</sup>

文征之<一山景物看多时>(Yi Shan Jin Wu Kan Duo Shi)

Kehidupan di pangkuan alam yang permai diiringi desiran bayu semilir lembut, meniup aroma pagi dari gunung dan dusun, dari lalang ke kebun, sesekali nakal melayahkan rama-rama ke bingkai jendela. Pohon-pohon tegak perkasa dengan banir teguh dihias flora pancawarna, rimbun hijau seperti payung alam tersergam telah menguraikan kegelisahan dan di ketegangan yang sering melilitnya semasa berada di kota. Kehidupan kota yang dikongkongi rentetan materialisme, dikurung jeriji-jeriji kecemburuan dan dicumbu nilai diri yang semakin nipis, kemanusiaan sarwajagat semakin cedera parah kerana dirasuk kehalobaan dan kebinatangan sebilangan manusia yang menghuni setiap inci ruang di bumiya. Wen Zheng menggambarkan dunia impianya dalam prosa beliau yang berikut :-

Air di kali berkaca dengan anak-anak ikan tenggelam dan timbul. Air jernih mengalir menerusi dasar bak cermin. Di sini ada taman hijau dengan bebunga mekar, harum dan ceria menyahut siulan murai dan sintar, skesta diwarnai pelangi membenamkan kakinya di birai awan. Di sini ada gerenek air sungai tanpa terusik, rumput hijau dengan lanskap malar indah, ada bukit ada pohon tempat unggas berbisik diiringi nyanyian burung dan lirik cengkerik. Alam yang tidak kenal makna asap dan sisa toksik, alam yang terpacak bukit menghijau dan pepohon tumbuhan, alam yang terhindar dari bunyi cemar di tengah bandar. Inilah dunia impian yang diwarisi.

Contoh-contoh dari petikan prosa tersebut menonjolkan rasa cinta para penulis Mahua terhadap alam semula jadi yang penuh kemisterian dan kenikmatan. Kehidupan di bendang atau di kampung halaman masih belum dinodai pencemaran, kerana pembangunan belum merayapi setiap ceruk di daerah terpencil. Kenangan mereka selalu kembali ke alam semula jadi yang tenang, seperti kata-kata seorang pendeta Hong Kong yang bernama Hu Juren, "Apabila kita berdepan dengan hamparan alam semula jadi

---

79. "Ruang Sastera", Sin Chew Jit Poh, 4hb April 1998

yang luas, seni reka cipta lelangit dan bumi, kita bersua dengan sang suria, senario pemandangan yang indah, pancaran anak bulan purnama yang sering menceriakan kejernihan sungai yang hening. Jika ditinjau dari sudut ini, kegiatan pemeliharaan alam semula jadi merupakan semangat budaya manusia yang harus diperkembangkan, dan bukan dimusnahkan oleh manusia yang kejam dan rakus.”<sup>80</sup>

---

80. Hu Juren, “Bimbingan Insan Menerusi Humanisme” 人文精神应作人类的指导 (Renwen Jingshen Ying Zuo Renlei DeZhi Dao), *International Times*, 22 Disember 1998.